

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA
Peperiksaan Semester Pertama

Sidang 1987/88

HKT 405 - Teori dan Kaedah dalam Kesusasteraan
Bandingan

Tarikh: 26 Oktober 1987

Masa: 9.00 pagi - 12.00 t/hari
(3 Jam)

Jawab EMPAT(4) soalan.

1. Jelaskan sejarah perkembangan teori di dalam Pengajian Kesusasteraan Perbandingan. Bagaimanakah teori dapat menyelesaikan sifat-sifat keangkuhan diri penulis-penulis sesebuah teks? Jawapan anda hendaklah disertakan dengan bukti-bukti yang nyata sepertimana yang telah dicadangkan oleh para theoros.
2. Apakah dia pendekatan New Criticism dari segi sejarah pembacaan teks. Berwibawa atau tidak pendekatan ini jika dikaitkan dengan lain-lain kaedah yang telah anda pelajari? Mengapakah pendekatan ini telah ditolak oleh beberapa gerakan lain? Berikan alasan-alasan anda dengan merujuk kepada sebab-musabab kemunculan strukturalisme.
3. Dengan merujuk kepada International Sentence Correlative dan authorial meaning jelaskan kaedah-kaedah bacaan fenomenologi. Bagaimanakah ciri-ciri quasi-reality di dalam teks dapat diselesaikan. Perbincangan anda hendaklah dirujuk kepada mana-mana cerita jenaka yang ada di Nusantara.
4. Tafsirkan istilah-istilah prajudis, vantage point, Horizon of Expectation dan Fusion of horizon di dalam kaedah bacaan hermeneutik. Apakah yang dimaksudkan oleh Gadamer bahawa makna teks tidak berubah, tetapi tafsiran-tafsirannya sahaja yang berbeza-beza? Di manakah pendirian anda apabila kenyataan ini dirujuk kepada karya-karya historiografi Melayu.

.../2

5. "Language is always a presentation and representation of the real and the unreal". (Heidegger, 1971)

Fahamkan kutipan ini, kemudian gunakan untuk menganalisis kenyataan Yuri M. Lotman tentang "bahasa adalah sekunder". Apakah hubungan-hubungan ketara yang dapat dipastikan di antara teks, bahasa dan realiti di dalam konteks ini?

6. Apakah yang anda tahu tentang semiologi. Perincikan perbezaan-perbezaan dan kesamaan-kesamaan di antara kaedah Ferdinand de Saussure (*Course In General Linguistics*, 1916) dengan kaedah Umberto Eco (*A Theory of Semiotics*, 1979). Tumpuan anda hendaklah ditumpukan kepada pengertian lambang-lambang tanda.
7. Bagi J.L. Austin, setiap ayat mempunyai ciri-ciri **proclutionary acts** dan **illocutionary acts** bagi menjelaskan tujuan-tujuan pengucapan dan maksudnya. Gunakan kedua-dua istilah ini bagi menjelaskan asas-asas oposisi binari (**binary opposition**) seperti yang digunakan oleh pendekatan strukturalisme. Jelaskan konsep binari ini melalui sajak berikut:

SONG SANG

(buat tok Awang)

maafkan aku
kalau aku sering saja
berlaku songsang

terutama
diperayaan tahunan
seperti hari ini

apabila semua orang
telah sedia duduk
aku bangun berdiri

apabila orang
bangun bertepuk
aku duduk

apabila orang
ghairah berbincang
aku tidur

apabila orang
melepaskan merpati
aku tabur padi

orang lain
telah merdeka
aku belum

maafkan aku
kalau aku sering saja
berlaku songsang

aku hanya
ingin
mengingatnkan

(Latiff Mohidin)

8. Perincikan kemunculan gerakan bacaan *reception theory* di Garman. Apakah dia paradigma-paradigma yang telah diketengahkan? Mengapakah pada hemat anda teori ini mendapat sambutan di kalangan masyarakat pengkritik?

-ooo000ooo-